

UTUSAN - 28 MARCH 2016

<http://www.utusan.com.my/bisnes/korporat/sunway-construction-dapat-kontrak-rm1-21b-1.205959>

Sunway Construction dapat kontrak RM1.21b

NABILA YASMIN RAZIB | 29 Mac 2016 12:53 AM

 Share  Tweet  Google+ 

KUALA LUMPUR 28 Mac - Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp) menganugerahkan Pakej Kerja Jejambat V201 bagi pembinaan Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) kepada Sunway Construction Sdn. Bhd.

Di bawah pakej kerja ini, kontraktor yang berjaya akan membina dan menyiapkan jejambat dan kerja-kerja lain yang berkaitan bagi sebahagian jajaran bertingkat Laluan MRT SSP sepanjang 4.9 kilometer dari Sungai Buloh ke Persiaran Dagang.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp, Datuk Seri Shahril Mokhtar berkata, nilai kontrak berkenaan adalah RM1.21 bilion dan penganugerahan dibuat selepas mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Sehent (OSPC) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak.

"Ini adalah pakej kerja jejambat kedua yang telah dianugerahkan bagi pembinaan Laluan SSP, iaitu selepas penganugerahan Pakej Kerja V202 minggu lepas kepada Ahmad Zaki Sdn. Bhd..

"Kedua-dua kontraktor ini akan dapat membersihkan tapak-tapak mereka dan menggerakkan jentera mereka untuk memulakan kerja pembinaan tidak lama lagi.

"Ini adalah satu perkembangan yang amat baik untuk projek. Saya yakin bahawa kita akan dapat menepati jadual untuk projek tersebut dan memastikan Fasa 1 Laluan SSP mula beroperasi pada suku kedua tahun 2021, dan seluruh laluan dalam suku kedua tahun 2022," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Shahril berkata, semua tender yang berjaya dipilih berasaskan penilaian tender terbaik, dengan tender yang dinilai berdasarkan aspek-aspek teknikal dan komersial. Ini bermakna tender yang berjaya tidak semestinya tender dengan harga yang paling rendah.

Sunway Construction juga merupakan kontraktor Pakej Kerja Pakej V4 bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang dan atas dasar itu, syarikat tersebut layak untuk memasuki tender bagi Pakej-Pakej Kerja pembinaan jejambat bagi Laluan MRT Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya.

Laluan SSP sepanjang 52.2 kilometer, dengan 13.5 kilometer merupakan laluan bawah tanah dan mempunyai 37 stesen, 11 daripadanya adalah stesen bawah tanah.

Secara keseluruhannya, terdapat 66 pakej kerja yang ditender untuk pembinaan Laluan SSP, termasuk 10 pakej jejambat, satu pakej kerja-kerja bawah tanah, dua pakej kerja depot, 10 pakej kerja stesen, dan 15 pakej kerja medan tempat letak kereta bertingkat.

Lain-lain tawaran adalah bagi kerja-kerja awal, saling-hubungan, sistem, pembekal-pembekal yang ditetapkan dan kontraktor ditetapkan.